



PELAN PENDIGITALAN

PPDC

PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG

2023 - 2027

HAK CIPTA TERPELIHARA



PELAN PENDIGITALAN
PDC
PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG
2023 - 2027

PELAN PENDIGITALAN PDC
PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG
PPP 2023-2027
© 2023 Hak Cipta Terpelihara

Mana-mana bahagian dalam laporan ini tidak boleh dikeluarkan ulang, disimpan dalam sistem dapat kembali, atau disiarkan, dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang. Reka bentuk dan susun atur Pelan Pendigitalan PDC 2023-2027 ini hak milik Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang.



KANDUNGAN

| | |
|--|--------------|
| PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF | 1 |
| PERUTUSAN KETUA PEGAWAI DIGITAL | 2 |
| PENGENALAN | 3 |
| VISI DAN MISI | 7-8 |
| PENJAJARAN TERAS | 9 |
| RUMUSAN | 13 |
| TERAS STRATEGIK | 14-28 |
| PENGHARGAAN | 30 |
| GALERI PPP | 31-32 |
| AKRONIM | 33 |

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, dapat kita bersama-sama menyempurnakan Pelan Pendigitalan PDC (PPP) 2023-2027.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan serta syabas kepada semua pihak yang telah berusaha dengan gigih dengan memberikan komitmen yang tinggi dalam membangunkan Pelan Pendigitalan PDC (PPP) 2023-2027.

PPP adalah dokumen keperluan perancangan strategik pendigitalan PDC. Pembangunan PPP 2023-2027 akan menyokong Pelan Strategik PDC yang telah digariskan dan mampu menjadikan PDC sebagai penyedia perkhidmatan digital bagi memenuhi aspirasi kerajaan dalam melangkaui jangkaan dan tuntutan pelanggan. Usaha ini semestinya memerlukan lonjakan paradigma dari aspek komitmen dan usaha kolaboratif daripada semua warga PDC.

Oleh yang demikian, saya berharap agar semua yang terlibat mengambil kesempatan ini untuk memahami hala tuju strategik pendigitalan dan pelan tindakan yang telah ditetapkan dalam PPP 2023-2027 ini. Marilah kita bersama-sama memastikan pelaksanaan transformasi pendigitalan dalam mengukuhkan kefahaman dan kemahiran digital dengan sasaran lapan puluh (80) peratus perkhidmatan digital dapat dicapai menjelang tahun 2027.

Sekian, terima kasih.

Dato' Aziz bin Bakar
Ketua Pegawai Eksekutif
Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang



PERUTUSAN KETUA PEGAWAI DIGITAL

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Alhamdulillah, segala pujian dipanjatkan kepada Allah SWT kerana dengan limpah dan izin-Nya Pelan Pendigitalan PDC (PPP) bagi tempoh 2023 hingga 2027 dapat dibangunkan secara dalaman oleh Pasukan Projek PPP dengan bantuan khidmat nasihat daripada pihak PSPSUKPP (Pelan Strategik Pendigitalan Pejabat Setiausaha Kerajaan Pulau Pinang).


Saya amat berbesar hati dengan hasil kolaborasi erat antara para pegawai daripada semua bahagian PDC dalam menterjemahkan keperluan pendigitalan PDC kepada satu pelan jangka panjang lima (5) tahun yang akan datang. PPP 2023-2027 merupakan dokumen strategik yang penting dalam merealisasikan usaha pendigitalan di negeri Pulau Pinang untuk mencapai visi Penang2030. Visi pendigitalan PDC yang utama adalah untuk menjadikan PDC sebuah organisasi yang menyediakan perkhidmatan digital dengan berpandukan tiga (3) teras strategik pendigitalan iaitu: 1) Perkhidmatan Digital Inklusif dan Bersepadu, 2) Pengukuhan Keupayaan Digital Modal Insan Secara Inklusif dan 3) Pengukuhan Perkhidmatan Infrastruktur ICT dan Keselamatan Siber .

Berpandukan visi dan teras strategik ini, sebanyak 14 program dan 36 aktiviti telah dirancang dan akan dilaksanakan bagi menyokong hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadi sebuah negeri yang hijau dan pintar. Saya berharap agar semua pihak yang terlibat dapat memainkan peranan untuk melaksanakan pelan komprehensif yang dirancang bagi mencapai sasaran lapan puluh (80) peratus pendigitalan perkhidmatan. Selari dengan perkembangan teknologi semasa, sokongan dan kerjasama erat daripada semua pihak berbekalkan dengan kapasiti dan kepakaran sedia ada, saya percaya, kita semua berupaya merealisasikan impian dan harapan yang terkandung di dalam PPP 2023-2027. Akhir kata, sekalung penghargaan dan tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat dalam usaha merangka, membangun dan seterusnya menerbitkan PPP 2023-2027.

Sekian, terima kasih.

Abdul Latiff bin Abd. Aziz
Ketua Pegawai Digital
Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang





Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah membangunkan Pelan Pendigitalan PDC (PPP) bagi tahun 2023-2027. PPP ini menjajarkan penerimaan kemunculan teknologi baharu (new emerging technologies) dalam memperkasakan transformasi pendigitalan secara inklusif dan holistik bagi meningkatkan kecekapan operasi dalam menyampaikan perkhidmatan digital kepada pelanggan.


PPP 2023-2027 dibangunkan selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk mencapai visi Penang2030 iaitu ke arah menjadi 'Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara'.

Pembangunan PPP ini disiapkan oleh Pasukan Pendigitalan PDC dibawah naungan Ketua Pegawai Digital. Pembangunan PPP 2023-2027 bermula pada bulan September 2022. Komitmen serta kerjasama berterusan daripada semua bahagian di PDC adalah asas utama dalam memuktamadkan Pelan Pendigitalan PDC (PPP) 2023-2027.

STRUKTUR TADBIR URUS

STRUKTUR TADBIR URUS

Satu struktur tadbir urus yang bernaung di bawah Jawatankuasa Pemandu Projek ICT dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Ketua Pegawai Eksekutif PDC ditubuhkan bagi memastikan kelancaran dan kejayaan pelaksanaan projek PPP 2023-2027 .



MOBILISASI

Mengenalpasti pasukan projek

Kenalpasti repositori dokumen

Libat Urus - pengenalan, Digital workshop

ANALISIS

Menganalisa pencapaian Pelan Strategik ICT. Rujuk 2018 - 2022

Menilai persekitaran semasa vs sasaran

Mengenalpasti jurang ICT
Slaid pencapaian 2018 -2022

STRATEGI

Membangun Visi dan Misi PPP

Membangun Hala Tuju Strategik PPP

Overview Hala Tuju Strategik PPP

Sesi bersama PSUKPP

FORMULASI

Membangunkan Pelan Pelaksanaan

Libat Urus - bengkel, pengesahan

Kemaskini dokumen

DOKUMENTASI

Memuktamadkan dokumen

Kemaskini akhir

Edaran soft dan hard copy

VISI & MISI PDC



VISI PDC

**UNTUK MENJADI ORGANISASI UTAMA NEGARA DALAM MENJADIKAN
PULAU PINANG NEGERI YANG KONDUSIF
BAGI KELESTARIAN PEMBANGUNAN
SOSIO-EKONOMI**

MISI PDC

**UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN PEMEGANG
KEPENTINGAN PDC AGAR SELARI DENGAN ASPIRASI
KERAJAAN NEGERI**

VISI & MISI PPP

Visi dan Misi Pelan Pendigitalan PDC (PPP) 2023 - 2027) digubal untuk mendokong visi dan misi Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC).



MENJADIKAN PDC SEBUAH ORGANISASI YANG MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN DIGITAL



MEMPERKASAKAN PENDIGITALAN PERKHIDMATAN PDC SECARA HOLISTIK

PENANG 2030

Untuk menjadi organisasi utama negara dalam menjadikan Pulau Pinang negeri yang kondusif bagi kelestarian pembangunan sosio-ekonomi

VISI : Menjadikan PDC sebuah organisasi yang menyediakan perkhidmatan digital

MISI :Memperkasakan pendigitalan perkhidmatan PDC secara holistik

Menyokong aspirasi Kerajaan untuk menggapai Pelan Strategik PDC , Penang 2030 dengan penajaran pada pelan strategik PSUKPP, pelan strategik pendigitalan sektor awam (PSPSA) dan rangka tindakan digital malaysia (myDigital)

Menjajarkan penerimgunaan kemunculan teknologi baharu (emerging technologies) seiring dengan transformasi digital Jabatan

Menyumbang kepada ekonomi digital menerusi adaptasi /eksplotasi kemunculan teknologi baharu (emerging technologies)

TERAS STRATEGIK

T1
Perkhidmatan Digital Inklusif Dan Bersepadu (6P | 15A)

T2
Pengukuhan Keupayaan Digital Modal Insan Secara Inklusif (4P | 6A)

T3
Pengukuhan Perkhidmatan Infrastruktur ICT Dan Keselamatan Siber (4P | 13A)

PENAJARAN Pelan Strategik Pendigitalan Pej Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSP PSUKPP)

Pemerkasaan Infrastruktur Data Geospasial Negeri (SGDI) Secara Holistik

Pemerkasaan Tadbir Urus Digital Secara Optimum

Pemerkasaan Perkhidmatan Digital Secara Bersepadu

Pemerkasaan Keupayaan Infrastruktur ICT dan Keselamatan Siber

Literasi Keupayaan Digital Secara Inklusif

PENAJARAN Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA)

Pemanfaatan Kepintaran Data

Peneraju Perkhidmatan Digital Inklusif dan Bersepadu

Tadbir Urus Tuntas dan Tangkas

Pemerkasaan dan Penyegaran Modal Insan

Pengoptimuman nilai Perkhidmatan Guna Sama Yang Selamat

Penjenamaan, Perluasan Promosi dan Pembudayaan

Adaptasi Kemunculan Teknologi Baharu yang Relevan

PENAJARAN MyDigital

Memacu Transformasi digital sektor awam

Meningkatkan daya saing ekonomi melalui pendigitalan

Membina infrastruktur digital yang menyokong

Membangunkan bakat digital yang tangkas dan kompeten

Mewujudkan masyarakat digital yang inklusif

Membina persekitaran digital yang dipercayai, selamat dan beretika

TERAS



Perkhidmatan Digital Inklusif Dan Bersepadu



Pemeriksaan Pembangunan Modal Insan



Pengukuhan Perkhidmatan Infrastruktur ICT Dan Keselamatan Siber



PROGRAM

P1. Pemantapan perkhidmatan pembayaran tanpa tunai

P2. Pemantapan perkhidmatan digital

P3. Pemantapan dan pelaksanaan sistem maklumat / aplikasi / kemudahan

P4. Pelaksanaan inisiatif pintar

P4. Building Information Modelling (BIM)

P6. Tadbir urus data

P1. Memantapkan pembudayaan digital

P2. Meningkatkan keupayaan kakitangan menggunakan sistem sedia ada.

P3. Memperluaskan pengetahuan dan meneroka produk atau teknologi terkini

P4. Memantapkan kompetensi digital

P1. Pemantapan keselamatan siber

P2. Pemeriksaan Tadbir Urus Keselamatan Siber

P3. Pemantapan pusat data

P4. Pelaksanaan inisiatif pintar

P5. Pemantapan keupayaan rangkaian

3 TERAS

14 PROGRAM

36 AKTIVITI

TERAS STRATEGIK

PERKHIDMATAN DIGITAL INKLUSIF DAN BERSEPADU

GO DIGITAL



OBJEKTIF

MENYEDIAKAN APLIKASI/SISTEM MAKLUMAT/PERKHIDMATAN YANG MESRA PENGGUNA DAN SELAMAT
MENINGKATKAN KECEKAPAN OPERASI DALAM MENYAMPAIKAN PERKHIDMATAN DIGITAL KEPADA PELANGGAN

PROGRAM 1: Pemantapan perkhidmatan pembayaran tanpa tunai

A1. Pelaksanaan kajian dan peningkatan saluran transaksi tanpa tunai

PROGRAM 2: Pemantapan perkhidmatan digital

A1. Pelaksanaan peningkatan saluran komunikasi penyampaian perkhidmatan PDC

A2. Perolehan servis hebahan SMS untuk peringatan pembayaran / kutipan dan promosi produk

A3. Pelaksanaan pengurusan "Digitization Filing"

A4. Implementasi borang digital bagi borang-borang di laman web dan intranet

A5. Meningkatkan inisiatif perkhidmatan dalam talian dari peringkat awal ke akhir (E2E-end-to-end)

PROGRAM 3: Pemantapan dan pelaksanaan sistem maklumat / aplikasi / kemudahan

A1. Pelaksanaan kajian dan penambahbaikan sistem maklumat / aplikasi sedia ada

A2. Pelaksanaan kajian dan implementasi sistem maklumat / aplikasi baru

A3. Pelaksanaan kajian dan penambahbaikan /peningkatan kemudahan

PROGRAM 4: Pelaksanaan inisiatif pintar

A1. Smart Building Feature - Building Management System (BMS)

A2. Smart Building Feature - Smart Meeting Room (SMR)

A3 Smart Building Feature - Smart Telecommunication System (SCS)

A4. Smart Building Feature - Smart Workspace System (SWS)

PROGRAM 5: Building Information Modelling (BIM)

A1. Pelaksanaan projek perintis BIM

A2. Pelaksanaan BIM

PROGRAM 6: Tadbir urus data

A1. Merancang dan melaksanakan tadbir urus data.

TERAS STRATEGIK

PENGUKUHAN KEUPAYAAN DIGITAL MODAL INSAN SECARA INKLUSIF

2

DIGITAL MODAL INSAN

OBJEKTIF

MENGUKUHKAN KEFAHAMAN DAN KEMAHIRAN DIGITAL

MENGUKUHKAN KEUPAYAAN, KOMPETENSI DAN KEMAJUAN KERJAYA SERTA MENINGKATKAN KOMPETENSI DIGITAL BAGI PERSONEL

PROGRAM 1:

Memantapkan pembudayaan digital

A1. Mengadakan sesi program/kempen/taklimat pembudayaan digital

PROGRAM 2:

Meningkatkan keupayaan kakitangan menggunakan sistem sedia ada.

A1. Merancang dan mengadakan kursus-kursus bagi sistem maklumat yang sedia ada (Refresher Course)

A2. Penjanaan laporan prestasi penggunaan sistem

PROGRAM 3:

Memperluaskan pengetahuan dan meneroka produk atau teknologi terkini

A1. Perkongsian produk / teknologi terkini / keselamatan siber dalam setahun

A2. Merancang dan mengadakan lawatan teknikal / penerokaan teknologi

PROGRAM 4:

Memantapkan kompetensi digital

A1. Mengatur persijilan profesional mengikut bidang kepakaran

TERAS STRATEGIK

PENGUKUHAN PERKHIDMATAN INFRASTRUKTUR ICT DAN KESELAMATAN SIBER





3

OBJEKTIF

MEMBINA PERSEKITARAN DIGITAL YANG DIPERCAYAI, SELAMAT DAN BERETIKA

MEMASTIKAN PENAWARAN PERKHIDMATAN GUNA SAMA ICT YANG SELAMAT

MEMANTAPKAN PERKHIDMATAN ICT DENGAN NILAI TAMBAH PENGGUNAAN TEKNOLOGI YANG RELEVAN



TERAS 1

PERKHIDMATAN DIGITAL INKLUSIF DAN BERSEPADU




TERAS 1

Perkhidmatan Digital Inklusif Dan Bersepadu

PROGRAM 1

Pemantapan perkhidmatan pembayaran tanpa tunai



A1: Pelaksanakan kajian dan pelaksanaan peningkatan saluran transaksi tanpa tunai

KEW

S3-S4 2023
S1-S2 2024


SASARAN



Satu saluran transaksi

PROGRAM 2

Pemantapan perkhidmatan digital



A1. Pelaksanaan peningkatan saluran komunikasi penyampaian perkhidmatan PDC


BKK

S1 - S4 2023
S1 - S4 2025
S1 - S4 2027

SASARAN



Satu saluran komunikasi



A2. Perolehan servis hebahan SMS untuk peringatan pembayaran / kutipan dan promosi produk

Pemilik Proses

S1 - S4 2023

SASARAN




Minima lima transaksi

TERAS 1

Perkhidmatan Digital Inklusif Dan Bersepadu

PROGRAM 2


Pemantapan perkhidmatan digital



SASARAN




Tujuh tahun data terdahulu dari tahun semasa



SASARAN



Sepuluh borang digital setahun



SASARAN



Implementasi tiga perkhidmatan dalam talian (E2E) setahun

TERAS 1

Perkhidmatan Digital Inklusif Dan Bersepadu

PROGRAM 3

Pemantapan dan pelaksanaan sistem maklumat / aplikasi /kemudahan

| Aktiviti | Peneraju | Tempoh Pelaksanaan |
|--|----------------|--------------------|
| A1. Pelaksanaan kajian dan penambahbaikan sistem maklumat / aplikasi sedia ada | Pemilik Sistem | S1 2023 - S4 2027 |

SASARAN



Tiga penambahbaikan sistem maklumat / aplikasi sedia ada berdasar kepada keperluan pengguna dalam setahun

| Aktiviti | Peneraju | Tempoh Pelaksanaan |
|---|----------------|--------------------|
| A2. Pelaksanaan kajian dan implementasi sistem maklumat / aplikasi baru | Pemilik Proses | S1 2023 - S4 2027 |

SASARAN



Tiga sistem maklumat / aplikasi baru berdasar kepada keperluan pengguna dalam setahun

| Aktiviti | Peneraju | Tempoh Pelaksanaan |
|---|----------------|--|
| A3. Pelaksanaan kajian dan penambahbaikan/peningkatan kemudahan | Pemilik Proses | S2,S4 2023 S2,S4 2024 S2,S4 2025 S2,S4 2026 S2,S4 2027 |

SASARAN




Tiga penambahbaikan / peningkatan kemudahan berdasar kepada keperluan pengguna dalam setahun

TERAS 1

Perkhidmatan Digital Inklusif Dan Bersepadu

PROGRAM 4


Pelaksanaan inisiatif pintar



SASARAN




Satu dashboard untuk pantau semua laporan



SASARAN



Lima bilik mesyuarat



SASARAN




Menaik taraf PABX sistem kepada Smart Tele-communication System pada April 2023

TERAS 1

Perkhidmatan Digital Inklusif Dan Bersepadu

PROGRAM 4


Pelaksanaan inisiatif pintar



SASARAN



Minima tiga inisiatif




SASARAN



SmartGIS integrated applications in the cloud

PROGRAM 5

Building Information Modelling (BIM)



SASARAN




Fasa 1: Memuktamadkan Technical Proposal.
Fasa 2: Perolehan perkakasan dan perisian.
Mengaturkan kursus-kursus.
Implementasi BIM Standard dengan projek perintis.

TERAS 1

Perkhidmatan Digital Inklusif Dan Bersepadu

PROGRAM 5

Building Information Modelling (BIM)




SASARAN



Memantau dan memastikan pengguna mengikut BIM Standard. Kemaskini BIM Standard berdasarkan keperluan projek.

PROGRAM 6

Tadbir urus data



SASARAN



- Minima tiga dashboard dalam setahun




TERAS 2
PENGUKUHAN KEUPAYAAN
DIGITAL MODAL INSAN
SECARA INKLUSIF

TERAS 2

Pengukuhan Keupayaan Digital Modal Insan Secara Inklusif

PROGRAM 1

Memantapkan pembudayaan digital




SASARAN



Memastikan dua belas sesi pembudayaan digital diadakan

PROGRAM 2


Meningkatkan keupayaan kakitangan menggunakan sistem sedia ada



SASARAN



Mengadakan kursus-kursus bagi sistem maklumat secara bulanan



SASARAN



Menjana laporan prestasi penggunaan sistem dua kali setahun

TERAS 2

Pengukuhan Keupayaan Digital Modal Insan Secara Inklusif

PROGRAM 3

Memperluaskan pengetahuan dan meneroka produk atau teknologi terkini

| Aktiviti | Peneraju | Tempoh Pelaksanaan |
|--|----------|---|
| A1. Perkongsian produk / teknologi terkini / keselamatan siber dalam setahun | ICT | S2, S4 2023 S2, S4 2024 S2, S4 2025 S2, S4 2026 S2, S4 2027 |

SASARAN



Minima dua sesi perkongsian

| Aktiviti | Peneraju | Tempoh Pelaksanaan |
|--|----------|--------------------|
| A2. Merancang dan mengadakan lawatan teknikal / penerokaan teknologi | ICT | S1 2023 - S4 2027 |

SASARAN



Mengadakan dua lawatan setahun

PROGRAM 4

Memantapkan kompetensi digital

| Aktiviti | Peneraju | Tempoh Pelaksanaan |
|---|----------|--|
| A1. Mengatur persijilan profesional mengikut bidang kepakaran | ICT | S2-S3 2023 S2-S3 2024 S2-S3 2025 S2-S3 2026 S2-S3 2027 |

SASARAN



Minima satu kursus persijilan profesional untuk tiga pegawai teknikal ICT

TERAS 3

PENGUKUHAN PERKHIDMATAN INFRASTRUKTUR ICT DAN KESELAMATAN SIBER



TERAS 3

Pengukuhan Perkhidmatan Infrastruktur ICT Dan Keselamatan Siber

PROGRAM 1

Pemantapan keselamatan siber

| Aktiviti | Peneraju | Tempoh Pelaksanaan |
|--|----------|--------------------|
| A1. Kajian dan perolehan teknologi terkini untuk keselamatan akses dari luar pejabat | ICT | S3, S4 2023 |

SASARAN



Implementasi perolehan teknologi terkini

| Aktiviti | Peneraju | Tempoh Pelaksanaan |
|---|----------|--------------------|
| A2. Hebahan kesedaran keselamatan siber | ICT | S1 2023 - S4 2027 |

SASARAN



Minima lapan kali setahun

| Aktiviti | Peneraju | Tempoh Pelaksanaan |
|---|----------|---|
| A3. Pelaksanaan pematuhan Aku Janji DKICT | ICT | S2 2023 S2 2024 S2 2025 S2 2026 S2 2027 |

SASARAN



Satu kali setahun

TERAS 3

Pengukuhan Perkhidmatan Infrastruktur ICT Dan Keselamatan Siber

PROGRAM 1

Pemantapan keselamatan siber

| Aktiviti | Peneraju | Tempoh Pelaksanaan |
|---|----------|--------------------|
| A4. Pematuhan keselamatan siber menerusi Jadual Tindakan Pengukuhan | ICT | S1 2023 - S4 2027 |

SASARAN



Setiap bulan

| Aktiviti | Peneraju | Tempoh Pelaksanaan |
|---|----------|--------------------|
| A5. Pemantapan perkhidmatan perlindungan ketirisan maklumat | ICT | S1 2023 - S4 2027 |

SASARAN



Tiada insiden kebocoran maklumat

PROGRAM 2

Pemeriksaan Tadbir Urus Keselamatan Siber

S1-S4

| Aktiviti | Peneraju | Tempoh Pelaksanaan |
|---|----------|---|
| A1. Pelaksanaan Security Posture Assessment | ICT | S2 2023 S2 2024 S2 2025 S2 2026 S2 2027 |

SASARAN



Satu kali setahun

TERAS 3

Pengukuhan Perkhidmatan Infrastruktur ICT Dan Keselamatan Siber

PROGRAM 2

Pemeriksaan Tadbir Urus Keselamatan Siber

| Aktiviti | Peneraju | Tempoh Pelaksanaan |
|---|----------|---|
| A2. Pelaksanaan semakan Dasar Keselamatan ICT dan kemaskini | ICT | S4 2023 S4 2024 S4 2025 S4 2026 S4 2027 |

SASARAN



Satu kali setahun

| Aktiviti | Peneraju | Tempoh Pelaksanaan |
|---|----------|---|
| A3. Pelaksanaan semakan Pelan Pemulihan Bencana dan kemaskini | ICT | S3 2023 S3 2024 S3 2025 S3 2026 S3 2027 |

SASARAN



Satu kali setahun

| Aktiviti | Peneraju | Tempoh Pelaksanaan |
|---|----------|--------------------|
| A4. Melaporkan aktiviti pemantauan keselamatan siber kepada Ketua Pegawai Digital [Chief Digital Officer (CDO)] | ICT | S1 2023 - S4 2027 |

SASARAN



Empat kali setahun

TERAS 3

Pengukuhan Perkhidmatan Infrastruktur ICT Dan Keselamatan Siber

PROGRAM 3

Pemantapan pusat data

| Aktiviti | Peneraju | Tempoh Pelaksanaan |
|--|----------|--------------------|
| A1. Perolehan atau pembaharuan langganan lesen perisian aplikasi / pemantauan operasi aplikasi | ICT | S1 2023 - S4 2027 |

SASARAN



Mengikut keperluan tamat tempoh berdasarkan justifikasi pengguna

| Aktiviti | Peneraju | Tempoh Pelaksanaan |
|--|----------|--|
| A2. Pelaksanaan kajian keperluan dan penambahbaikan/ peningkatan sistem pengoperasian server, perkhidmatan perkomputeran awan dan kapasiti storan data | ICT | S1-S3 2023 S1-S3 2024 S1-S3 2025 S1-S3 2026 S1-S3 2027 |

SASARAN



Mengikut keperluan tamat tempoh / penggunaan

| Aktiviti | Peneraju | Tempoh Pelaksanaan |
|--|----------|--------------------|
| A3. Perolehan atau pembaharuan langganan lesen dan penyelenggaraan peralatan operasi | ICT | S1 2023 - S4 2027 |

SASARAN



Mengikut keperluan tamat tempoh / penggunaan

TERAS 3

Pengukuhan Perkhidmatan Infrastruktur ICT Dan Keselamatan Siber

PROGRAM 4

Pemantapan keupayaan rangkaian

| Aktiviti | Peneraju | Tempoh Pelaksanaan |
|--|----------|--|
| A1. Pelaksanaan kajian keperluan dan menaik taraf perkhidmatan rangkaian | ICT | S2-S4 2023 S2-S4 2024 S2-S4 2025 S2-S4 2026 S2-S4 2027 |

SASARAN



Memastikan perkhidmatan rangkaian
99% uptime.

PASUKAN PPP 2023 - 2027



PASUKAN PPP 2023 - 2027

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih di atas sumbangan dan komitmen yang diberikan sepanjang pembangunan Pelan Pendigitalan PDC (PPP) 2023 - 2027 ini.

SIDANG EDITORIAL

PENAUNG

Abdul Latiff bin Abd. Aziz
Ketua Pegawai Digital

PENASIHAT

Norasiah Binti Omar
Pengurus
Bahagian Teknologi Maklumat Komunikasi

PASUKAN PENULIS

Choo Kek Keong | Pengurus Projek IT
Muhammad Shafiq b Mohd Kamal | Juruanalisa Sistem
Muhd Fakhru Syahimy bin Abd. Hamid | Pen. Pegawai Teknologi Maklumat Kanan
Nurul Ezzah Bt Hasbi | Personel MyStep

Dengan kerjasama serta penghargaan khas kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang tempoh pelaksanaan PPP 2023-2027.





| Ringkasan | Huraian |
|-----------|--|
| A | Aktiviti |
| BIM | Building Information Modelling |
| BKK | Bahagian Korporat & Komunikasi |
| BKP | Bahagian Khidmat Pengurusan |
| BPB | Bahagian Pengurusan Bangunan |
| BPFPT | Bahagian Perancangan Fizikal & Pembangunan Tanah |
| BPI | Bahagian Pengurusan Infrastruktur |
| BPPH | Bahagian Pembangunan & Pengurusan Harta |
| ICT | Bahagian Teknologi Maklumat & Komunikasi |
| KEW | Bahagian Kewangan |
| P | Program |
| PDC | Penang Development Corporation / Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang |
| PDCN | PDC Nusabina Sdn Bhd |
| PDCP | PDC Properties Sdn Bhd |
| PDCSU | PDC Setia Urus Sdn Bhd |
| PPP | Pelan Pendigitalan PDC |
| S | Sukuan |
| T | Teras |



PELAN PENDIGITALAN
PDC
PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAU PINANG
2023 - 2027

PELAN PENDIGITALAN PDC
PERBADANAN PEMBANGUNAN PULAI PINANG
PPP 2023-2027
© 2023 Hak Cipta Terpelihara